Pendakwa Raya lwn Sui Hmong Lian

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO N-05–3 TAHUN 2010
ZALEHA ZAHARI, SULAIMAN DAUD DAN BALIA YUSOF HHMR
19 OGOS 2011

Prosedur Jenayah — Hukuman — Kesetimpalan — Mematikan orang yang tidak tergolong kepada kesalahan membunuh — Pembunuhan amat kejam dan ganas — Tiga kesalahan yang berbeza dan melibatkan tiga mangsa yang berlainan — Hukuman bagi ketiga-tiga kesalahan berjalan serentak — Sama ada hakim bicara terkhilaf — Sama ada hukuman dijatuhkan hendaklah berjalan berasingan — Kanun Acara Jenayah s 165(1)

Undang-Undang Jenayah — Kanun Keseksaan — s 304(a) — Mematikan orang yang tidak tergolong kepada kesalahan membunuh — Responden mengaku salah terhadap ketiga-tiga pertuduhan — Hukuman — Rayuan terhadap hukuman — Tiga mangsa yang berbeza — Pembunuhan amat kejam dan ganas — Pembunuhan dilakukan ketika ketiga-tiga si mati mabuk dan tidak berupaya mempertahankan diri — Sama ada hukuman yang dikenakan wajar — Faktor mitigasi — Sama ada wujud provokasi

Responden di dalam kes ini pada mulanya telah dihadapkan dengan tiga pertuduhan membunuh di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('Kanun') terhadap orang yang dinamakan dalam pertuduhan. Pendakwa raya telah mengemukakan tiga tuduhan pilihan terhadap responden di bawah s 304(a) Kanun. Fakta menunjukkan bahawa ketiga-tiga si mati dalam keadaan mabuk telah bertindak agresif ke atas responden, memukul dan menolak-nolak serta mengejek-ejek responden tentang masakannya yang tidak sedap. Timbul perasaan marah responden terhadap ketiga-tiga si mati. Responden yang bersenjatakan cangkul dan parang telah menyerang ketiga-tiga si mati ketika mereka berada dalam keadaan mabuk dan tidak berupaya untuk mempertahankan diri. Responden telah mengaku salah terhadap ketiga-tiga pertuduhan pilihan yang telah dikemukakan. Setelah mendengar hujahan mitigasi dan hujahan balas timbalan pendakwa raya ('TPR'), hakim bicara telah menjatuhkan hukuman penjara selama 15 tahun bagi setiap pertuduhan pilihan dan hukuman penjara yang dijatuhkan bagi ketiga-tiga kesalahan hendaklah berjalan serentak dari tarikh tangkap. TPR merayu terhadap hukuman yang telah dijatuhkan oleh hakim bicara terhadap responden. TPR berhujah bahawa hukuman yang telah dijatuhkan itu adalah terlalu ringan, amat tidak memadai bagi kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh responden yang melibatkan tiga mangsa yang berbeza. Menurut TPR,

walaupun responden telah mengaku salah, faktor ini tidak wajar diberi sebarang pertimbangan oleh kerana fakta kes menunjukkan pembunuhan-pembunuhan telah dilakukan dengan amat kejam sekali. Seterusnya TPR berhujah, hakim bicara telah juga khilaf apabila memerintahkan hukuman-hukuman bagi ketiga-tiga kesalahan yang dijatuhkan terhadap responden berjalan serentak. Menurutnya, hukuman yang telah dijatuhkan hendaklah berjalan berasingan atas alasan kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh responden merupakan tiga kesalahan yang berbeza dan melibatkan tiga mangsa yang berlainan.

Diputuskan, membenarkan sebahagian rayuan:

(1) Hukuman yang boleh dijatuhkan bagi kesalahan di bawah s 304(a) Kanun telah ditingkatkan menurut Penal Code (Amendment) Act 2003 (Act A1210) dari 20 tahun kepada 30 tahun. Pindaan ini menunjukkan bahawa mahkamah perlu memberi perhatian dan menjatuhkan hukuman yang lebih berat kepada kesalahan di bawah s 304(a) Kanun. Daripada fakta kes adalah nyata kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh responden adalah amat serius dan hukuman yang dijatuhkan perlu merupakan sebagai deteran kepada sesiapa yang melakukan kesalahan sedemikian (lihat perenggan 15).

(2) Faktor-faktor seperti responden telah mengaku salah dan penjimatan masa mahkamah tidak boleh diterima sebagai alasan kukuh untuk menjatuhkan hukuman yang ringan. Demi kepentingan awam hukuman yang dijatuhkan perlu mencerminkan kebencian terhadap pembunuhan yang telah berlaku. Hukuman yang telah dijatuhkan oleh hakim bicara adalah terlalu ringan dan amat tidak memadai bagi kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan. Faktor bahawa ketiga-tiga si mati telah bertindak secara agresif, mengejek-ejek, menghina dan memukul responden tidak boleh diterima sebagai justifikasi bagi responden untuk mengambil tindakanbalas secara *extreme* dengan mengambil nyawa orang-orang yang telah bertindak sedemikian (lihat perenggan 17).

(3) Daripada fakta kes, tiga kesalahan itu telah dilakukan pada tarikh dan masa yang sama, tempat yang sama sebagai tindakbalas kepada tindakan ketiga-tiga si mati secara bersama, serta melibatkan perbuatan dan tindakan responden yang berterusan. Dalam keadaan ini prinsip satu transaksi seperti yang diperuntukkan di bawah s 165(1) Kanun Acara Jenayah terpakai. Hakim bicara tidak khilaf apabila beliau memerintahkan supaya hukuman bagi ketiga-tiga kesalahan berjalan secara serentak (lihat perenggan 18).

[English summary

The respondent in this case was initially charged with three charges of murder under s 302 of the Penal Code ('the Code') against the persons named in the

charge. The public prosecutor adduced three alternative charges against the respondent under s 304(a) of the Code. The facts showed that all the three deceased, being under the influence of alcohol, had acted aggressively against the respondent, beaten her up and had been pushing as well as made fun of the respondent about her cooking which was allegedly not tasty. This caused anger of the respondent against all the three deceased. The respondent armed with a hoe and machete attacked all the three deceased while they were under the influence of alcohol and unable to defend themselves. The respondent pleaded guilty against all the three alternative charges adduced. After hearing the plea in mitigation and submission in reply by the deputy public prosecutor ('DPP'), the trial judge imposed the sentence of 15 years imprisonment for each of the alternative charge and the sentence of imprisonment for all the three offences were to run concurrently from the date of arrest. The DPP appealed against the sentences by the trial judge against the respondent. The DPP contended that the sentences imposed were too light and grossly inadequate for the offences committed by the respondent involving three different victims. According to the DPP, although the respondent had pleaded guilty, this factor should not be given any consideration as the facts of the case showed that the murders had been committed brutally. Further, the DPP submitted that the trial judge had erred when he ordered that the sentences for all the three offences against the respondent to run concurrently. According to him, the sentences imposed must run consecutively on the grounds that the offences committed by the respondent were three distinct offences and involving three different victims.

Held, allowing part of the appeal:

(1) The sentence to be imposed for an offence under s 304(a) of the Code was increased in accordance to the Penal Code (Amendment) Act 2003 (Act A1210) from 20 years to 30 years. This amendment showed that the court should consider and impose heavier sentence for offences under s 304(a) of the Code. From the facts of the case it was clear that the offences committed by the respondent were serious and the sentences imposed should be a deterrent to whoever committed such offences (see para 15).

(2) The factors such as the respondent's plea of guilt and saving the court's time could not be accepted as a concrete ground to impose a lighter sentence. For the benefit of the public, the sentences imposed must reflect the hatred towards the murders committed. The sentences imposed by the trial judge were very light and grossly inadequate for the offences committed. The factor that all the three deceased had acted aggressively, teased, made fun and beaten up the respondent could not be accepted as a justification for the respondent to retaliate in an extreme way by taking away the life of the persons who had acted in such a way (see para 17).

A (3) From the facts of the case, the three offences were committed on the same date and time, at the same place as retaliation against the action of all the three deceased collectively, and involved a continuous act by the respondent. In the circumstances, the one transaction principle as provided under s 165(1) of the Criminal Procedure Code is applicable.
B The trial judge had not erred when he ordered that the sentence for all the three offences to run concurrently (see para 18).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kesetimpalan hukuman, lihat 5(2) *Mallal's Digest*
C (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 3499–3534.

Untuk kes-kes mengenai s 304(a), lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 1786–1788.

Undang-undang yang dirujuk

D Kanun Acara Jenayah s 165(1)
Kanun Keseksaan ss 302, 304(a)

Samihah Rhazali (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak perayu.
E *Responden mewakili diri sendiri.*

Zaleha Zahari HMR:

F **[1]** Responden didalam kes pada mulanya telah dihadapkan dengan tiga pertuduhan membunuh di bawah s 302 Kanun Keseksaan terhadap orang yang dinamakan dalam pertuduhan. Pada 30 Oktober 2009 pendakwa raya telah mengemukakan tiga tuduhan pilihan terhadap responden di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan seperti berikut:

G

Pilihan Pertama

Bahawa kamu pada 30.5.2008 jam lebih kurang 5.30 petang hingga 1.6.2008 jam lebih kurang 2.45 petang, di dalam sebuah rumah kongsi Kampung Bukit Ulu Jelebu, Kuala Klawang, di dalam daerah Jelebu, di dalam Negeri Sembilan Darul
H Khusus, telah mematikan orang yang tidak tergolong kepada kesalahan membunuh ke atas ZAM RHE. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan.

Pilihan Kedua

I Bahawa kamu pada 30.5.2008 jam lebih kurang 5.30 petang hingga 1.6.2008 jam lebih kurang 2.45 petang, di dalam sebuah rumah kongsi Kampung Bukit Ulu Jelebu, Kuala Klawang, di dalam daerah Jelebuh, di dalam Negeri Sembilan Darul Khusus, telah mematikan orang yang tidak tergolong kepada kesalahan membunuh ke atas VAN KAM. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di

bawah s 304(a) Kanun Keseksaan.

Pilihan Ketiga

Bahawa kamu pada 30.5.2008 jam lebih kurang 5.30 petang hingga 1.6.2008 jam lebih kurang 2.45 petang, di dalam sebuah rumah kongsi Kampung Bukit Ulu Jelebu, Kuala Klawang, di dalam daerah Jelebuh, di dalam Negeri Sembilan Darul Khusus, telah mematikan orang yang tidak tergolong kepada kesalahan membunuh ke atas BU LIAN. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s.304(a) Kanun Keseksaan.

[2] Responden telah mengaku salah terhadap ketiga-tiga pertuduhan pilihan yang telah dikemukakan. Kemudiannya, responden telah juga mengakui fakta kes yang telah dibentangkan oleh pihak pendakwaan. Hakim Mahkamah Tinggi Seremban pada 25 November 2009, mendapati responden bersalah di bawah tiga pertuduhan pilihan yang telah dikemukakan. Setelah disabitkan dan setelah mendengar hujahan mitigasi dan hujahan balas timbalan pendakwa raya ('TPR'), hakim telah menjatuhkan hukuman penjara selama 15 tahun bagi setiap pertuduhan pilihan dan hukuman penjara yang dijatuhkan bagi ketiga-tiga kesalahan hendaklah berjalan serentak dari tarikh tangkap.

[3] TPR merayu terhadap hukuman yang telah dijatuhkan oleh hakim Mahkamah Tinggi Seremban terhadap responden.

FAKTA KES

[4] Pada 29 Mei 2008 jam lebih kurang 4.30 petang Zam Rhe ('si mati pertama'), Van Kam ('si mati kedua'), Bu Lian ('si mati ketiga') dan Sui Hmong Lian (responden) sedang berehat di sebuah rumah kongsi di Kampung Bukit Ulu Jelebu, Kuala Klawang selepas selesai bekerja di ladang. Si mati pertama, si mati kedua dan si mati ketiga telah mengarahkan responden dengan nada yang kasar masak untuk mereka. Setelah responden menyediakan makanan, si mati kedua marah responden kerana telur yang digoreng olehnya masin. Berlaku pertengkaran antara responden dan si mati kedua yang dapat dileraikan oleh si mati pertama dan si mati ketiga.

[5] Pada keesokan harinya, 30 Mei 2008, jam 3.30 petang, ketiga-tiga si mati dan responden telah menerima wang perbelanjaan dari Pengurus Ladang, Encik Zulkifli Lubis bin Alimuddin.

[6] Seterusnya pada jam 4.30 petang, si mati kedua, si mati kedua dan si mati ketiga telah pergi ke pekan untuk membeli minuman keras. Tiga puluh (30) minit kemudian ketiga-tiga si mati balik ke rumah kongsi dengan beberapa botol minuman keras dan telah minum minuman keras tersebut sehingga

A mabuk. Ketiga-tiga si mati dalam keadaan mabuk telah bertindak agresif ke atas responden, memukul dan menolak-nolak serta mengejek-ejek responden tentang masakannya yang tidak sedap. Timbullah perasaan marah responden terhadap ketiga-tiga si mati akibat dari kelakuan mereka ini.

B

[7] Pada jam 7 malam responden masih berperasaan marah di atas perbuatan ketiga-tiga si mati yang telah memukul, mengejeknya dan tidak menghiraukan rayuannya untuk berhenti berbuat demikian. Responden kemudiannya telah keluar dari rumah kongsi tersebut. Dia mengambil sebatang cangkul dan sebilah parang yang biasanya digunakan untuk menebas semak serta dahan
C kayu di ladang. Responden yang bersenjatakan dengan cangkul dan parang tersebut masuk balik ke dalam rumah kongsi tersebut. Responden kemudiannya telah menghampiri si mati kedua (yang pada ketika itu mabuk teruk dalam keadaan terlentang) dan telah menghayun parang tersebut sekuat hati ke leher si mati kedua, kemudiannya, telah mengelar leher si mati kedua.
D Apabila si mati kedua kelihatan masih bergerak-gerak, responden telah menghentak kepala si mati kedua dengan cangkul yang dibawa masuk tadi. Selepas itu responden menghayunkan parang tersebut beberapa kali ke leher dan muka si mati ketiga yang berada berdekatan dengan si mati kedua. Setelah
E si mati ketiga tidak bergerak, responden menghampiri si mati pertama pula (yang pada ketika itu juga dalam keadaan mabuk teruk) dan menghayun parang tersebut ke dada, kepala dan leher si mati pertama dengan kuat. Selepas itu responden telah mencampak cangkul yang berlumuran darah keluar dari tingkap rumah kongsi tersebut.

F

[8] Setelah mencuci tangannya yang berlumuran darah, dan kemaskan pakaiannya di dalam sebuah beg, responden telah melarikan diri. Sambil menuju ke jalan utama, responden telah mencampakkan parang yang telah digunakan untuk menyerang ketiga-tiga si mati di kawasan semak lebih kurang
G 200 meter dari rumah kongsi tersebut.

[9] Pihak polis telah berjaya mengesan responden di Kajang. Responden telah di tangkap pada 2 Jun 2008 jam 4 petang. Soal siasat telah dijalankan ke atas responden melalui jurubahasa Myanmar. Responden kemudianya telah
H membawa Cif Inspektor Mohd Azuan bin Abdul Rahman ke rumah kongsi tersebut dan menunjukkan cangkul yang beliau campakkan setelah menyerang ketiga-tiga si mati. Pada 3 Jun 2008 jam 10 pagi, selepas di soal-siasat, responden telah membawa Cif Inspektor Mohd Azuan ke kawasan semak dan menunjukkan di mana dia telah membuang parang yang telah digunakan
I untuk menyerang ketiga-tiga si mati.

[10] Dr Mohd Shah telah menjalankan bedah siasat ke atas ketiga-tiga si mati. Bedah siasat ke atas si mati pertama, menunjukkan terdapat luka hirisan (3 x 0.5 sm) di kanan dahi, luka hirisan (2.5 x 1 sm) di pipi kanan, luka tetakan

di leher (16 x 4 sm) yang bersambung hingga ke bahu kiri (7x4 sm). Terdapat kesan tetakan pada tulang lengan kiri dan tulang 'clavicle' kiri. Luka tetakan ini juga telah menghiris salur pemakanan 'esafagus', salur pernafasan 'trakea', salur darah 'jugular' kiri dan mengenai tulang belakang, dua luka hiris tipis (2.5 x 0.2 sm dan 4 x 0.3 sm) di bahu kanan, luka hirisan (2 x 0.5 sm) di siku kiri dan calar (7x6 sm) di lengan bawah sebelah kiri.

[11] Bedah siasat ke atas si mati kedua mendapati empat luka koyak di kanan dahi dan sisi kanan kepala (4 x 2.5 sm, 3.5 x 1.5 sm, 7x2 sm dan 3.5 x 1 sm). Kecederaan ini telah menyebabkan kesan keretakan tulang tengkorak di bahagian ini, luka hirisan di leher (10x4 sm, sedalam 10.5 sm) yang menghiris otot kanan leher, salur darah kanan leher dan mengenai tulang leher, luka tetakan di tengah dada (11x4 sm, sedalam 4 sm) dan calar (4 x 0.5 sm) di belakang tangan kiri. Bedah siasat ke atas mayat si mati ketiga telah mendapati luka tetakan (3 x 1 sm) di sisi kanan kepala, dua luka tetakan (7 x 3 sm dan 2 x 1 sm) kanan dahi yang menyebabkan keretakan tulang tengkorak dan luka hirisan (2 x 1 sm) di bibir atas. Sebab kematian kesemua si mati adalah luka tetakan di kepala dan leher.

[12] Hakim Mahkamah Tinggi setelah mendengar hujahan mitigasi oleh peguambela dan hujahan TPR telah menjatuhkan hukuman yang menjadi subjek rayuan ini.

[13] TPR berhujah hukuman yang telah dijatuhkan adalah terlalu ringan, amat tidak memadai bagi kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh responden yang melibatkan tiga mangsa yang berbeza. Menurut TPR, walaupun responden telah mengaku salah, faktor ini tidak wajar diberi sebarang pertimbangan oleh kerana fakta kes menunjukan pembunuhan-pembunuhan telah dilakukan dengan amat kejam sekali. Responden telah menyerang ketiga-tiga si mati ketika mereka berada dalam keadaan mabuk dan tidak berupaya untuk mempertahankan diri dari serangan responden yang bersenjatakan cangkul dan parang. Faktor bahawa ketiga-tiga si mati telah bertindak secara agresif, mengejek-ejek, menghina dan memukul responden, sekiranya wujud provokasi sedemikian, terdapat lat masa setelah ketiga-tiga si mati bertindak sedemikian. Unsur provokasi sedemikian tidak bermakna responden boleh mengambil tindakan balas secara *extreme* seperti yang telah terjadi dalam kes ini yang mengakibatkan tiga nyawa terkorban.

[14] TPR berhujah, hakim yang bijaksana telah juga khilaf apabila memerintahkan hukuman-hukuman bagi ketiga-tiga kesalahan yang di jatuhkan terhadap responden berjalan serentak. Menurutnya, hukuman yang telah dijatuhkan hendaklah berjalan berasingan atas alasan berikut. Kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh responden merupakan tiga kesalahan yang berbeza. Ia melibatkan tiga perbuatan yang berasingan, serta

keatas tiga mangsa yang berlainan. Dengan itu, tiga pertuduhan telah dikemukakan terhadap responden. Perintah supaya responden menjalani hukuman serentak bagi tiga kesalahan bermakna responden telah hanya menyebabkan kematian seorang sahaja dan bukan tiga orang.

KEPUTUSAN

[15] Kami mengambil perhatian bahawa hukuman yang boleh dijatuhkan bagi kesalahan dibawah s 304(a) Kanun Keseksaan telah ditingkatkan menurut Penal Code (Amendment) Act 2003 (Act A1210) yang berkuat kuasa pada 6 Mac 2007 dari dua puluh tahun kepada tiga puluh tahun. Pindaan ini menunjukkan bahawa mahkamah perlu memberi perhatian dan menjatuhkan hukuman yang lebih berat kepada kesalahan di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan. Daripada fakta kes adalah nyata kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh responden adalah amat serius dan hukuman yang dijatuhkan perlu merupakan sebagai deteran kepada sesiapa yang melakukan kesalahan sedemikian.

[16] Berhubung dengan faktor responden telah mengaku salah dan penjimatan masa mahkamah, pada pendapat kami, faktor ini tidak boleh diterima sebagai alasan kukuh untuk menjatuhkan hukuman yang ringan. Demi kepentingan awam hukuman yang dijatuhkan perlu mencerminkan kebencian terhadap pembunuhan yang telah berlaku. Kami bersetuju dengan hujahan TPR bahawa hukuman yang telah dijatuhkan adalah terlalu ringan dan amat tidak memadai bagi kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan.

[17] Fakta kes juga menunjukkan ketiga-tiga si mati telah dibunuh secara yang amat mengerikan. Responden yang bersenjatakan cangkul dan parang telah menyerang ketiga-tiga si mati ketika mereka berada dalam keadaan mabuk dan tidak berupaya untuk mempertahankan diri dari serangan responden. Berhubung dengan faktor bahawa ketiga-tiga si mati telah bertindak secara agresif, mengejek-ejek, menghina dan memukul responden, kami bersetuju dengan hujahan TPR bahawa kelakuan sedemikian tidak boleh diterima sebagai justifikasi bagi responden untuk mengambil tindakan balas secara *extreme* dengan mengambil nyawa orang-orang yang telah bertindak sedemikian.

[18] Berhubung dengan isu sama ada hukuman-hukuman yang dijatuhkan wajar berjalan serentak atau berasingan, daripada fakta kes, tiga kesalahan ini telah dilakukan pada tarikh dan masa yang sama (30 Mei 2008 jam lebih kurang 5.30 petang hingga 1 Jun 2008 jam lebih kurang 2.45 petang), tempat yang sama (rumah kongsi Kampung Bukit Ulu Jelebu Kuala Klawang) sebagai tindakbalas kepada tindakan ketiga-tiga si mati secara bersama, serta melibatkan perbuatan dan tindakan responden yang berterusan. Dalam

keadaan ini kami berpendapat prinsip satu transaksi seperti yang diperuntukan di bawah s 165(1) Kanun Acara Jenayah terpakai. Pada pendapat kami hakim Mahkamah Tinggi tidak khilaf apabila beliau memerintahkan supaya hukuman bagi ketiga-tiga kesalahan berjalan secara serentak.

[19] Oleh yang demikian rayuan TPR dibenarkan sebahagiannya. Hukuman yang dijatuhkan selama 15 tahun oleh hakim Mahkamah Tinggi bagi setiap kesalahan pilihan di ketepikan dan digantikan dengan hukuman penjara selama 20 tahun bagi setiap kesalahan dan hukuman-hukuman tersebut hendaklah berjalan serentak dari tarikh tangkap.

Sebahagian rayuan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed